

09/07/2000

Penjenayah tidak pernah pegang senjata api

Zainudin Isa; Halmi Samad

KUALA LUMPUR: Sebahagian besar daripada 27 anggota penjenayah yang berkubu di Bukit Jenalek di Kuala Kangsar dan menyerah diri Khamis lalu, belum pernah memegang senjata, apa lagi menembak.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, hanya di markas itulah mereka pertama kali menjalani latihan menembak dan cuba-cuba menembak.

"Kalau dipandang sepintas lalu, selepas mencuri senjata, kumpulan itu tidak menunjukkan motif, seolah-olah tiada objektif lain, kecuali berkumpul di sebuah markas," katanya.

Ketika ditemui Berita Minggu di pejabatnya kelmarin, Najib juga ditanya sama ada kementerian memandang mudah mengenai wujudnya kumpulan silat seperti Kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang anggotanya didakwa bersifat agresif dan ketenteraan.

"Disebabkan anggota Al-Ma'unah tidak menampakkan diri sebagai kumpulan militan, pihak berkuasa yang berkaitan serta polis mungkin menganggap ia kumpulan persilatan biasa.

"Mereka menjalankan latihan ketahanan diri seperti mandi minyak, berlatih menggunakan pisau, parang dan kayu. Latihan ini berjalan, tapi ada juga kumpulan silat lain melakukan sedemikian.

"Selama ini pihak berkuasa dan polis menganggap ini kumpulan pertahanan seperti silat gayung.

Sukar mengetahui tujuan mereka menukar haluan daripada satu kumpulan yang menekankan latihan kebatinan dan kerohanian kepada latihan berbentuk militan dan jenayah," katanya.

Mengenai desakan beberapa pihak supaya beliau bertanggungjawab penuh dan meletakkan jawatan berikutan kebocoran sistem keselamatan negara itu, Najib berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pihak paling tepat untuk membuat penghakiman.

Katanya, perkara itu sepatutnya tidak merujuk terhadap diri dan kejadian pencerobohan kem di Grik itu saja.

"Ia boleh diterjemahkan kepada kementerian lain. Adakah kapal terbang terhempas, Menteri Pengangkutan mesti letak jawatan? Adakah kejadian sekolah dibakar, Menteri Pendidikan mesti letak jawatan," katanya.

Beliau berkata, kewujudan kumpulan ajaran kebatinan dan kerohanian yang menyesatkan ahlinya sehingga mendorong kepada kegiatan jenayah dan mengancam keselamatan, mestilah sentiasa diawasi.

"Banyak pengajaran daripada peristiwa ini.

"Kalau kita lihat sejarah negara sejak peristiwa Memali, Batu Pahat dan Sandakan, boleh dikatakan dari semasa ke semasa kumpulan seperti ini akan wujud," katanya.

(END)